

Penduduk kampung tidak terlibat: Zailan

BANTING - Dakwaan bahawa terdapat penduduk kampung yang diupah untuk sebarang aktiviti pembolosan warga asing atau terlibat dengan aktiviti penyeludupan adalah tidak benar.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, Kuala Langat merupakan sebuah daerah yang luas dan pembolosan yang berlaku sememangnya ada.

Namun katanya, kegiatan memberi upah kepada penduduk untuk aktiviti-aktiviti berkenaan tidak berlaku dalam komuniti kampung.

"Saya mengakui penyeludupan sebenarnya masih berlaku cuma tidak melibatkan orang kampung.

"Bulan lepas juga kita berjaya menangkap dua suspek warganegara Bangladesh yang berada di kawasan Morib tanpa memiliki dokumen lengkap," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Zailan memberitahu Pasukan Gerakan Am (PGA) telah ditugaskan membuat rondaan di kawasan perairan pantai dan aktiviti penyeludupan sewajarnya sentiasa dibanteras.

Katanya lagi, beliau tidak mahu mendengar dakwaan yang mengaitkan penglibatan orang kampung.

"Jika ada bukti, buatlah laporan polis. Jika dengar-dengar saja tak ada gunalah.

"Tapi saya tak kata tak ada langsung aktiviti itu tapi pihak polis masih berusaha membanteras aktiviti penyeludupan yang berlaku terutamanya di kawasan perairan Kuala Langat," katanya.



“ Bulan lepas juga kita berjaya menangkap dua suspek warganegara Bangladesh yang berada di kawasan Morib tanpa memiliki dokumen lengkap.” - Zailan